

**PENGUASAAN GURU TERHADAP TATACARA PENGURUSAN
DISIPLIN SEKOLAH: SATU KAJIAN KES**

**FAZLINA BT ABDUL HALIM
(M20082000215)**



**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN SOSIOLOGI PENDIDIKAN**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011

**PENGUASAAN GURU TERHADAP TATACARA
PENGURUSAN DISIPLIN SEKOLAH:
SATU KAJIAN KES**

FAZLINA BT ABDUL HALIM

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24.06.2011

Tandatangan
FAZLINA ABDUL HALIM
M20082000215

PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran saya rafa'kan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya disertasi ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Amir Hasan Dawi kerana membimbang dan memberi tunjuk ajar sehingga terhasilnya disertasi ini. Sesungguhnya ilmu serta panduan yang diberikan benar-benar membantu saya mempersesembahkan disertasi yang sebegini rupa.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa.

Terima kasih kepada pihak pentadbir serta guru-guru yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian lapangan. Tidak dilupakan juga individu yang turut terlibat dalam memberi apa jua bantuan sama ada pandangan atau buah buah fikiran dalam penghasilan disertasi ini. Terima kasih juga kepada suami serta anak-anak juga ahli keluarga yang sentiasa memberikan perangsang dan dorongan.

Sesungguhnya tiada apa yang mampu diucap melainkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih semoga semuanya akan mendapat setinggi-tinggi ganjaran di sisiNya.

Terima kasih.

FAZLINA BT ABDUL HALIM

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan mengkaji penguasaan guru terhadap tatacara pengurusan disiplin di sekolah berdasarkan surat pekeliling ikhtisas yang berkaitan dengan pengurusan disiplin yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bermula dari tahun 1968 sehingga 2010 terhadap pelajar sekolah menengah harian biasa di daerah Gombak. Persampelan kajian ini memfokuskan kepada tatacara penguatkuasaan disiplin oleh empat orang guru yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan disiplin di sekolah. Kajian yang dijalankan melibatkan aspek triangulasi teknik analisis dokumen surat pekeliling ikhtisas yang berkaitan dengan pengurusan disiplin yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, temu bual, pemerhatian terhadap tatacara penguatkuasaan disiplin serta analisis dokumen yang berkaitan dengan pengurusan disiplin dan kemudiannya dapatan kajian ini disokong oleh dapatan senarai semak daripada semua guru di sekolah kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya guru penolong kanan hal ehwal murid sahaja yang benar-benar menguasai isi kandungan surat pekeliling ikhtisas yang berkaitan dengan pengurusan disiplin. Dari aspek kesesuaian surat pekeliling ikhtisas terhadap tatacara penguatkuasaan disiplin, walaupun banyak surat pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan oleh pihak kementerian bagi memberi panduan kepada guru-guru disiplin, namun masih banyak lagi surat pekeliling ikhtisas yang perlu dikeluarkan untuk memberikan panduan khusus terhadap kes-kes salah laku disiplin di sekolah. Hasil kajian yang dijalankan juga mendapati walaupun pengetua menjalankan peranan dan tanggungjawabnya terhadap penguatkuasaan disiplin, namun tugas dan tanggungjawabnya banyak diserahkan kepada penolong kanan hal ehwal murid dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan disiplin pelajar. Kesimpulannya, sebagai satu bentuk mandat yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, surat pekeliling ikhtisas yang berkaitan pengurusan disiplin perlu menjadi panduan utama kepada semua guru terutama guru-guru disiplin dalam melaksanakan penguatkuasaan disiplin di sekolah secara sistematis dan berhemah.

Teachers in Adapting the Procedures on School Discipline Management: A Case Study

ABSTRACT

Purpose of this case study is to explore the level of understanding of teachers in a secondary school in Gombak on the discipline management procedures based on the circulars issued out by the Ministry of Education starting from 1968 to 2010. Sampling for this study focuses on the procedure adapted for the enforcement of discipline by the four teachers who were directly involved in managing discipline in school. The study was done based on triangulation technique analysis of documents circulars relating to the management of discipline issued by the Ministry of Education, interviews, observation of the enforcement of disciplinary procedures and analysis of documents relating to the discipline management, and the finding was supported by the finding checklist of all teachers in the particular school. The findings revealed that only Head of Student's Affairs who really mastered the contents of the circular relating to the discipline management. From the aspect of appropriateness of the circular to the discipline management procedure, although many circulars issued by the ministry to provide guidance to the teachers, but there should be more circular be issued to provide specific guidance on misconduct of discipline cases in schools. The result of the study also found that although the Principal carry out her roles and responsibilities for the enforcement of discipline, but a lot of tasks and responsibilities given to the Head of Student's Affairs in making decisions related to student discipline. In conclusion, as a form of mandate issued by the Ministry of Education, circulars relating to the discipline management should be used as a main reference for all teachers, especially discipline teachers in implementing the enforcement of school discipline in a systematic and prudent way.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	viii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Kepentingan Memahami Pengurusan Disiplin	2
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Definisi Konsep	13
1.7 Definisi Operasional	18
1.8 Batasan Kajian	19
1.9 Pendekatan Teori	21
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	24
1.11 Rumusan	27
BAB 2 : KAJIAN LITERATUR	28
2.0 Pendahuluan	28
2.1 Kajian Lepas berkaitan Penguasaan terhadap Tatacara Pengurusan Disiplin	29
2.2 Kajian Lepas mengenai Pengurusan Disiplin Pelajar	31
2.3 Kajian Luar Negara berkaitan Pengurusan Disiplin Pelajar	37
2.4 Kajian mengenai kepentingan terhadap pengetahuan perundangan pendidikan	40
2.5 Kes-Kes Perundangan yang melibatkan Pengurusan Disiplin	42
2.6 Kajian berkaitan Teori Label	44
2.7 Teori Label dalam bidang pendidikan	45

2.8	Kajian Lepas berkaitan Pengurusan Disiplin berdasarkan Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas	47
2.9	Teori-teori yang berkaitan Pengurusan Disiplin	51
2.10	Rumusan	65
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		66
3.0	Pendahuluan	66
3.1	Reka Bentuk Kajian	67
3.2	Persampelan	72
3.3	Responden	73
3.4	Tempat Kajian	73
3.5	Instrumen Kajian	74
3.6	Aspek Triangulasi	80
3.7	Pengumpulan Data	81
3.8	Kaedah Penganalisisan Data	84
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	88
3.10	Rumusan	90
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		91
4.0	Pendahuluan	91
4.1	Latar Responden	92
4.2	Deskripsi Sekolah	94
4.3	Persoalan Kajian 1	95
4.4	Persoalan Kajian 2	149
4.5	Persoalan Kajian 3	232
4.6	Rumusan	250
BAB 5: RUMUSAN		252
5.0	Pendahuluan	252
5.1	Ringkasan Kajian	253
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	253
5.3	Implikasi Kajian	263
5.4	Implikasi Teori	265
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	269
5.6	Rumusan	272

RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran A: Carta Kajian

A1: Carta Gambaran Keseluruhan Perkembangan Kajian

Lampiran B: Lampiran Media

Lampiran C: Surat Kebenaran

C1: Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia

C2: Surat Kebenaran Sekolah

C3: Surat Kebenaran Responden

Lampiran D: Senarai Borang

D1: Analisis Dokumen-Surat Pekeliling Ikhtisas

D2: Protokol Temu bual

D3: Borang Pemerhatian

D4: Analisis Dokumen- Manual Pengurusan Disiplin

D5: Borang Senarai Semak

SENARAI RAJAH

Senarai Rajah
Muka surat

Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	24
-----------	----------------------------	----

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual
Muka surat

Jadual 3.1	Fasa Kajian	82
------------	-------------	----

SENARAI RINGKASAN

SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
IAB	Institut Aminudin Baki
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
GPK HEM	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
KGDPg	Ketua Guru Disiplin Pagi
KGDPtg	Ketua Guru Disiplin Petang
AADK	Agensi AntiDadah Kebangsaan

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Disiplin adalah teras kejayaan dan kecemerlangan setiap insan. Pembentukan disiplin di dalam diri setiap individu sama pentingnya dengan keperluan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam sesuatu bidang. Keberkesanan pihak sekolah melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkait rapat dengan keupayaan sekolah untuk menyempurnakan penerapan disiplin di kalangan pelajar. Sejauh mana sekolah berupaya menerapkan disiplin dan nilai-nilai murni dalam diri pelajarnya bergantung kepada proses pengurusan dan perancangan disiplin yang dijana oleh pihak pengurusan sekolah. Pada asasnya, sistem persekolahan di Malaysia bertunjangkan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Ordinan Pelajaran 1950, Ordinan Pelajaran 1952, Ordinan Pelajaran 1957 dan Ordinan Pelajaran 1959.

Pengurusan disiplin di sekolah pula perlu mematuhi peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan Ordinan Pelajaran 1957; Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 dan Surat-surat Pekeliling Ikhtisas.

1.1 Kepentingan Memahami Pengurusan Disiplin

Sememangnya kita harus akur bahawa masalah disiplin wujud di mana-mana serta dalam apa juu situasi mahupun dalam semua peringkat masyarakat. Namun begitu pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar sekolah kini menjadi suatu perkara yang agak membimbangkan. Isu disiplin sekolah juga telah menarik banyak perhatian beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya di dalam media massa. Tanggungjawab terhadap mentadbir urus isu berkaitan disiplin merupakan amanah yang cukup berat yang harus dipikul oleh semua guru terutamanya pentadbir sekolah yang bertindak menguruskan sekolah.

Setiap pengurus sekolah perlu menghayati keperluan disiplin dalam organisasinya. Disiplin akan mencorakkan tingkah laku setiap individu dalam organisasi. Disiplin yang dapat diurus tadbir dengan baik akan memudahkan peranan sekolah sebagai agen pembentuk warga sekolah. Sekolah adalah institusi sosial yang ditubuhkan untuk membentuk warga negara yang mampu menjawai nilai-nilai akhlak dan rohani yang mulia, serta memahami perhubungan antara manusia sebagai asas kemasyarakatan, dan bersedia menyumbang kepada penerusan ketamaduan bangsa tersebut.

Sehubungan dengan itu, peraturan yang dilaksanakan di sekolah bertujuan membentuk dan mentransformasi individu-individu kepada warga yang memberi nilai kepada masyarakat dan negara. Pengurusan disiplin yang berkualiti akan dapat mengawal emosi dan tingkah laku pelajar dan seterusnya akan menghasilkan pelajar yang berdisiplin. Pelajar yang berdisiplin sudah tentu akan bersedia menerima dan menawar peluang berinteraksi secara berhemah. Kejayaan pelajar dan guru berinteraksi secara positif akan dapat melahirkan individu yang berjaya dan memberi nilai positif kepada masyarakat.

Pengurusan disiplin yang cekap akan dapat membantu sekolah membentuk kefahaman pelajar tentang dunia luar serta undang-undang yang diguna pakai di peringkat global. Pelajar perlu dijelaskan konsep disiplin sekolah yang berpaksikan kepada hak asasi manusia. Bagi tujuan itu, pelajar harus faham bahawa sekiranya mereka melakukan kesalahan, mereka juga boleh didakwa atas alasan mengancam nyawa ahli-ahli masyarakat sekolah yang lain. Sebagai contoh, kejadian empat pelajar yang cedera termasuk seorang parah selepas diserang sekumpulan lelaki berhampiran hentian bas di sekolah di Kapar. (Lampiran B: BH 1).

Di Malaysia, pengurusan disiplin pelajar juga bertujuan untuk memperjelaskan isi kandungan yang terdapat di dalam Rukunegara. Rukunegara di Malaysia jelas menekankan kesepadan, ketataan dan kesusilaan. Isu berkaitan pengurusan disiplin juga mendapat perhatian Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar.

Akhbar Berita Harian melaporkan dalam tempoh 6 bulan dari Januari 2006 hingga Jun 2006 seramai 2332 pelajar dibuang sekolah di seluruh negara kerana pelbagai kesalahan disiplin dan sepanjang tempoh itu 3184 lagi pelajar digantung persekolahan (Lampiran B: BH 2).

Adakah guru sudah benar-benar arif mengendalikan kes-kes disiplin yang ditimbulkan oleh pelajar selaras dengan akta pendidikan yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia? Hakikat sebenar yang kita semua maklum ialah pengurusan disiplin mengundang banyak persoalan yang berkaitan dengan aspek perundangan. Pengetua dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dengan dibantu oleh guru disiplin di sekolah mempunyai tanggungjawab untuk menyusun atur hal yang berkaitan dengan pengurusan disiplin ini.

Dalam konteks pengurusan disiplin, kebanyakan guru disiplin menyelesaikan masalah disiplin pelajar berdasarkan pengalaman dan gerak hati mereka. Pernyataan ini mempunyai asas yang kukuh kerana kebanyakan daripada guru-guru disiplin tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai pengurusan disiplin. Dengan latar belakang pendidikan yang diperoleh, kebanyakan guru disiplin tidak pernah dihantar untuk menghadiri sebarang kursus yang berkaitan dengan pengurusan tingkah laku pelajar. Ketiadaan buku-buku panduan yang berkaitan dengan pengurusan disiplin juga merupakan salah satu faktor penyumbang. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyiarkan pelbagai surat siaran berkaitan dengan pengurusan disiplin semenjak 1960an lagi.

Namun berdasarkan surat pekeliling ikhtisas 7/1986, didapati pihak sekolah tidak pernah menyimpan surat pekeliling ikhtisas yang diedarkan kepada mereka. Hasilnya, pihak pentadbir tidak mengambil peduli tentang surat pekeliling ikhtisas yang diedarkan kepada mereka sebaliknya menjalankan pengurusan disiplin berdasarkan tradisi sedia ada dan diperturunkan dari seorang guru kepada seorang guru yang lain. Inilah yang menyebabkan kita jarang mendengar guru-guru disiplin disaman oleh ibu bapa kerana mengenakan hukuman yang bertentangan dengan akta dan perundangan pendidikan.

Ditambah pula dengan ibu bapa itu sendiri yang mempunyai kurang pengetahuan asas dalam perundangan, maka pada tahun-tahun 60an dan 70an kita jarang mendengar isu guru disaman oleh ibu bapa. Apabila zaman berubah, tugas dan cabaran guru juga turut berubah. Ibu bapa pula mulai sedar tentang nilai hak serta kebebasan.

1.2 Pernyataan Masalah

Pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar sekolah kini menjadi suatu perkara yang agak membimbangkan. Isu disiplin sekolah juga telah menarik banyak perhatian beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya banyak dilaporkan dalam media massa. Semua guru tidak terkecuali pengetua, guru besar dan guru disiplin sentiasa terdedah kepada keadaan yang boleh menyebabkan mereka melanggar peraturan dan undang-undang pendidikan.

Ini adalah disebabkan berkemungkinan mereka tidak faham atau tidak tahu tentang adanya peraturan dan undang-undang dalam pendidikan. Ada kalanya mereka sendiri terperangkap dengan arahan-arahan yang bertentangan dengan undang-undang pendidikan.

Kejahilan pentadbir sekolah terutamanya pengetua dan guru besar dalam menguruskan tatacara pengurusan disiplin dikenal pasti sebagai punca sekolah sering didakwa oleh ibu bapa (Tie Fat Hee; 2002). Tie Fatt Hee juga menyatakan terdapat ibu bapa yang begitu mudah membawa kes yang membabitkan kecuaian guru ke mahkamah dan membuat tuntutan ganti rugi yang begitu tinggi. Antara kes yang melibatkan disiplin murid ialah kes Kerajaan Malaysia & lain-lain lawan Jumat bin Mahmud.

Kes lain yang melibatkan disiplin pelajar ialah kes Zazlin Zahira Hj. Kamarulzaman menuntut melalui bapa dan penaganya lawan Louis Marie Neube Rt. Ambrose a/l Ambrose [1994], kes pembuangan pelajar dalam Mahadevan v. Anandarajan & Ors. (O.C.J. (Abdul Hamid J.) September 5, 1969). Kes yang melibatkan peraturan pakaian pula ialah kes Meor Atiqulrahman bin Ishak dan lain-lain lawan Fatimah Sihi dan lain-lain [2000].

Berdasarkan akhbar Berita Harian, akhbar ini ada menerima aduan daripada pembaca yang menyatakan seorang guru disiplin di sebuah sekolah menengah dimarahi oleh bapa pelajar kerana tindakan guru tersebut menegur anak lelakinya yang menghisap rokok. Tindakan sebegini tentunya akan menyebabkan guru berada dalam keadaan serba salah dalam menjalankan tugasnya sebagai pengurus disiplin pelajar (Lampiran B: BH 3).

Resolusi Seminar Disiplin Pelajar Kebangsaan (Lampiran B: MM 1) telah menggariskan suatu pelan tindakan yang memfokuskan kepada lima perkara utama bagi menyelesaikan masalah disiplin. Dua perkara penting yang perlu diberi perhatian berdasarkan resolusi ini ialah keperluan untuk mengkaji dan memperkemas peraturan-peraturan disiplin yang sedia ada.

Antaranya ialah Panduan Am Disiplin Sekolah, Panduan bagi Mengatasi Dadah di kalangan Pelajar Sekolah, Peraturan-peraturan Disiplin sekolah. Kedua, ialah dengan mengadakan mekanisme supaya penguatkuasaan peraturan dibuat dengan lebih berkesan. Tindakan ini terutamanya melibatkan pengetua, guru besar, serta pelajar agar peraturan yang ada dilaksanakan dengan berkesan.

Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin) 1959 dan pekeliling-pekeliling ikhtisas dari Kementerian Pelajaran adalah penting untuk difahami oleh guru khasnya pengetua, guru besar dan guru disiplin, agar tindakan yang diambil tidak bercanggah dengan arahan dan peraturan yang disediakan.

Ketidakfahaman pentadbir sekolah dan guru disiplin serta guru-guru lain terhadap surat pekeliling ikhtisas tentunya akan mempamerkan keputusan yang tidak tepat semasa menjalankan hukuman yang berkaitan dengan masalah pengurusan disiplin pelajar. Kegagalan guru mengambil tindakan selain daripada cara yang sedia ada akan menyebabkan guru pula yang akan menghadapi tindakan mahkamah jika laporan polis dibuat oleh mangsa. Maka guru juga akan turut tertakluk kepada hukuman-hukuman di bawah kanun keseksaan. Antara kanun-kanun keseksaan yang berkaitan dengan tindakan guru melibatkan:

- a. Seksyen 323. Seksaan kerana sengaja menyebabkan cedera.
- b. Seksyen 324. Dengan sengaja menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya.
- c. Seksyen 325. Seksaan kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah.
- d. Seksyen 326. Dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya.
- e. Seksyen 320. Cedera parah.

(Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) hal.111.)

Menurut Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia (USM), Abdul Rashid Mohamed, senario pendidikan masa kini amat berbeza berbanding masa lampau tetapi menganggap kehadiran guru masih relevan dan dihormati. Menurutnya kebanyakan ibu bapa sudah sedar dan tahu hak masing-masing. Tanggapan umum tentang fenomena guru yang dikatakan tidak berkualiti baginya adalah tidak benar kerana penilaian itu bersifat subjektif dan hanya mereka yang bermasalah memberi dan mencetuskan tanggapan sebegitu.

Baginya tindakan menyalah atau menyelar guru bukan satu tindakan yang baik. Bagi guru pula, tindakan perundangan terhadap mereka tidak bermakna kebebasan guru tersekat (Lampiran B: HM 1). Ini bermakna, jika guru tidak dapat menguruskan disiplin pelajar dengan bijak dan berhemah, fenomena ini tentunya akan menggalakkan lagi pelajar untuk melakukan lebih banyak masalah disiplin di sekolah.

Guru mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan hala tuju pelajar bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi pembinaan sasihia diri pelajar. Penentuan terhadap kewajaran sesuatu hukuman yang dikenakan oleh guru terutamanya pentadbir dan badan disiplin sekolah tentunya akan menjadi cermin kejayaan kepada pihak sekolah. Kepekaan guru mengatasi isu disiplin pelajar banyak membantu guru dan pihak sekolah dalam hal yang berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu satu kajian yang jelas mengenai keupayaan dan penguasaan guru mengenai pengurusan disiplin yang berhemah dan sistematik amat perlu dilaksanakan.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan di atas, secara keseluruhan matlamat kajian adalah untuk mengenal pasti penguasaan guru-guru mengenai tatacara pengurusan disiplin di sekolah.

Secara khusus, objektif kajian adalah:

- a. Mengenal pasti penguasaan guru terhadap isi kandungan surat-surat pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai pengurusan disiplin di sekolah.
- b. Mengenal pasti kesesuaian surat pekeliling ikhtisas dalam penguatkuasaan disiplin di sekolah.
- c. Mengenal pasti peranan dan tanggungjawab pengetua terhadap aspek pengurusan disiplin.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- a. Bagaimanakah penguasaan guru terhadap isi kandungan surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai pengurusan disiplin sekolah?
- b. Adakah surat pekeliling ikhtisas yang berkaitan dengan pengurusan disiplin sekolah memenuhi keperluan penguatkuasaan disiplin di sekolah?
- c. Apakah peranan dan tanggungjawab pengetua terhadap aspek pengurusan disiplin?

1.5 Kepentingan Kajian

a. Guru

Penguasaan terhadap aspek isi kandungan surat pekeliling ikhtisas amat berkait rapat dengan bilangan kes perundangan dalam pengurusan disiplin pelajar. Penguasaan guru secara mendalam dalam pengurusan disiplin pelajar akan meneguhkan lagi pemahaman guru terhadap gabungan nilai masyarakat berkaitan kesaksamaan dan prosesnya dalam institusi masyarakat.

Penguasaan terhadap isi kandungan surat pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan oleh kementerian akan dapat membantu guru-guru terutamanya guru disiplin dalam melaksanakan tugas berkaitan pengurusan disiplin. Penguasaan terhadap tatacara pengurusan disiplin yang berkualiti akan dapat membantu guru untuk bertindak secara waras dan berhemah. Sekiranya guru menguasai isi kandungan surat pekeliling ikhtisas ini maka guru tidak lagi perlu berasa was-was terhadap segala tindakan yang diambil terhadap pelajar. Hal ini dapat mengelakkan pihak sekolah daripada menghadapi konflik dan kes undang-undang pendidikan.

Penguasaan guru terhadap perundangan pendidikan dapat membantu guru untuk membataskan tanggungjawab mereka dalam menguruskan disiplin pelajar berpandukan doktrin yang sedia ada. Guru akan lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan jika mereka berhadapan dengan situasi yang berkaitan dengan perundangan.

b. Sekolah

Surat pekeliling ikhtisas yang berkaitan dengan tatacara pengurusan disiplin merupakan isu utama yang perlu diketahui oleh semua guru terutama pengetua, penolong kanan dan guru-guru. Kajian yang berkaitan dengan pengurusan disiplin amat berkait rapat dengan pengurusan pentadbiran di sekolah.

Sekolah yang mempunyai sistem pengurusan pentadbiran yang efisyen dan dinamik akan memastikan sistem pengurusan disiplin juga ditadbir urus dengan baik. Walaupun perkara ini amat penting, namun kajian terhadap penguasaan guru mengenai tatacara pengurusan disiplin terhadap pelajar tidak banyak dilakukan sebelum ini.

Kajian ini tentunya akan dapat membantu pihak sekolah terutamanya pentadbir dan guru-guru bahawa aspek perundangan pendidikan merupakan aspek penting yang banyak membantu guru-guru terutamanya semasa mengendalikan penguatkuasaan disiplin pelajar.

c. Kementerian Pelajaran Malaysia

Pelaksanaan terhadap tatacara pengurusan disiplin pelajar tanpa mengikut panduan berdasarkan surat pekeliling disiplin yang diedarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia semakin banyak menarik perhatian masyarakat dan seringkali terpapar di dada akhbar.

Hakikatnya, berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1993, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1986 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995 telah membuktikan bahawa pihak kementerian sendiri menyedari tentang fenomena yang berlaku. Adakah guru-guru sudah benar-benar memahami dan menguasai prinsip-prinsip asas yang terdapat di dalam surat pekeliling ikhtisas? Jika ya, mengapa masih lagi terdapat isu-isu perundangan yang membabitkan guru disabitkan kes di mahkamah kerana silap percaturan semasa mengendalikan prosedur tindakan disiplin? Adakah isu ini berpunca daripada sistem latihan keguruan yang belum mantap?

Hasil kajian ini diharapkan boleh memberikan sedikit panduan kepada pihak kementerian terhadap penambahbaikan sistem latihan keguruan terutamnya yang berkaitan dengan bidang tugas guru-guru disiplin agar mereka boleh menjalankan tugas secara sistematik dan berhemah.

1.6 Definisi Konsep

a. Penguasaan

Menurut Kamus Dewan (2005), penguasaan atau kuasa bermaksud kemampuan atau keupayaan seseorang untuk melakukan atau mengerjakan sesuatu. Dalam konteks kajian ini penguasaan bermaksud kemampuan atau keupayaan guru-guru untuk menguruskan disiplin mengikut tatacara yang sesuai selaras dengan panduan yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

b. Guru

Mengikut Ordinan Pendaftaran Guru-Guru 1957 , guru-guru bererti:

1. Seseorang yang mengajar murid-murid di sesebuah sekolah atau yang menyediakan atau mengeluarkan bahan-bahan pengajaran atau yang memeriksa kertas-kertas jawapan di sekolah-sekolah; dan
2. Seseorang yang mempunyai kelayakan yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran, sihat dari segi fizikal dan tidak pernah dihukum oleh mahkamah di bawah ordinan ini.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, guru diberi pengertian berikut:

1. Mengajar murid di sesuatu institusi pendidikan; atau
2. Menyediakan atau mengeluarkan bahan pengajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan 'di, bagi ataupun melalui pusat pendidikan jarak jauh.

Menurut Kamarudin (2004), guru merupakan tenaga pengajar dan perancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut strategi pengajaran yang sesuai. Menurut Abu Bakar dan Ikhsan (2008), guru ialah teras kepada pelaksanaan proses pendidikan walaupun proses pendidikan itu boleh berlangsung tanpa guru. Guru berperanan sebagai role model kepada pelajar, pembentuk akhlak yang mulia, pakar pengetahuan yang dimilikinya serta mahir dalam beberapa kemahiran khususnya yang diajarkan kepada pelajarnya. Dalam kajian ini, definisi guru boleh ditakrifkan sebagai pengurus pelajar dan juga pendidik yang menjalankan tugas mendidik pelajar dan memimpin pelajar ke arah pengurusan kendiri yang berhemah dan bermatlamat.